



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS: 62/2025

Cycling Tour ASEAN Solidarity 2025

9 OGOS 2025

1. YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia telah menyempurnakan majlis pelepasan Program *Cycling Tour ASEAN Solidarity 2025* yang berlangsung di Dataran Batu Buruk, Kuala Terengganu, Terengganu. Hadir sama ke majlis pelepasan tersebut, YB Ustaz Haji Hishamudin bin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu.
2. Seramai 3,000 peserta dari negara-negara ASEAN termasuk Malaysia telah mengambil bahagian dalam program ini. Pelbagai aktiviti menarik telah disusun termasuk kayuhan basikal sejauh 30 kilometer mengelilingi bandaraya Kuala Terengganu, larian santai (*fun run*) sejauh 5 kilometer dan *fun walk* sejauh 3 kilometer, pameran oleh pelbagai agensi kerajaan serta aktiviti-aktiviti interaktif yang membangkitkan semangat perpaduan serantau turut diadakan.
3. Objektif utama penganjuran Program *Cycling Tour ASEAN Solidarity 2025* adalah seperti berikut:
 - Memperkasa dan mempromosikan semangat komuniti ASEAN melalui sukan dan aktiviti rekreasi;
 - Mempromosi gaya hidup sihat dan budaya sukan dalam kalangan komuniti ASEAN; dan

- Berkongsi warisan budaya ASEAN sambil menggalakkan kefahaman bersama dan pertukaran silang budaya melalui platform sukan dan rekreasi.
4. Penganjuran program ini adalah selari dengan aspirasi Komuniti ASEAN 2045 iaitu sebuah komuniti yang memajukan sukan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ASEAN sebagai hab sukan kecemerlangan bagi mempromosikan keamanan, kesaksamaan, kesihatan, pendidikan dan pembangunan sosio- ekonomi.
 5. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung Program *Cycling Tour ASEAN Solidarity 2025*, sila hubungi JBSN melalui talian 03-8871 3748/ jbsn@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

